

# ANTI HADITH: RUJUKAN KEPADA KITAB *JIMA' AL-'ILM*

Oleh  
Dr. Abdul Karim Ali\*

## Abstract

*The article attempts to introduce the paramount importance of kitab *Jima' al-'Ilm* written by al-Shafi'i in relation with the emergence of anti-hadith. This book contains dialogue and debates that have taken place between al-Shafi'i and his opponents and considered as the earliest document indicates the existing certain groups or individuals that questioned or repudiated the authority of hadith. It also tries to identify the unnamed opponents that have disputation with al-Shafi'i.*

## PENDAHULUAN

Al-Shafi'i (150H - 204H) seorang tokoh dalam bidang usul al-fiqh, hadith dan fiqh, banyak menghasilkan penulisan dalam bidang-bidang di atas dengan anggaran sebanyak 113 buah karya.<sup>1</sup> Antara salah satu penulisan beliau ialah *Jima' al-'Ilm* yang membincangkan hal-hal berkaitan dengan hadith, qiyas, ijma', ikhtilaf, ijtihad dan sebagainya.

Artikel ini tidak akan membincangkan secara terperinci bidang-bidang yang disebut di atas. Apa yang hendak diutarakan di sini ialah polemik yang berlaku di antara al-Shafi'i dan beberapa individu sezaman dengannya berkaitan autoriti hadith atau sunnah Nabi Muhammad s. 'a. w.

---

\*Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, University Malaya.

<sup>1</sup>Al-Nawawi, (t.t), *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 67; Ibn al-Nadim, (1929), *al-Fihrist*, Kaherah: al-Rahmaniyyah Press, hal. 264; Ibn Hajar, (1986), *Tawali al-Ta'sis fi Ma'ali Muhammad b. Idris*, (edit. Abu al-Fida' 'Abd Allah al-Qadi), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 145; al-Bayhaqi, (1971), *Manaqib al-Shafi'i*, (edit. Al-Sayyid Ahmad Saqar) vol. I, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, hal. 246.

Dari pengamatan penulisan, *Kitab Jima' al-'Ilm* merupakan sebuah hasil penulisan pertama yang mendokumentasikan secara jelas kewujudan individu atau kumpulan yang meragui, mempertikai bahkan menolak autoriti hadith Nabi s. 'a.w. Secara jelas, idea penolakan hadith atau anti hadith sebenarnya telah wujud sejak di akhir abad ke 2 atau di awal abad ke 3. Justeru, bukanlah suatu yang pelik dewasa ini kelihatan fahaman ini kembali menular dalam masyarakat samada majoritinya muslim atau sebaliknya. Boleh dikatakan gerakan anti hadith sekarang bersifat global.

Penulisan buku ini boleh dikatakan dilakukan di Mesir sekitar tahun 198H berdasarkan beberapa *cross reference* terhadap lain-lain penulisan al-Shafi'i.<sup>2</sup>

### INDIVIDU ATAU GOLONGAN YANG MENOLAK HADITH

Berkenaan dengan penolakan hadith, al-Shafi'i menyenaraikan tiga doktrin yang dianuti oleh tiga kumpulan yang berbeza, iaitu<sup>3</sup>

- i. menolak keseluruhan hadith
- ii. menolak hadith yang bukan merupakan penerangan kepada al-Quran
- iii. menerima semua hadith secara prinsipnya tetapi menolak sebahagian hadith *Ahad*

Di antara keunikan penulisan al-Shafi'i ialah beliau menggunakan pendekatan dialog. Ini dapat dikesan pada sebahagian besar hasil penulisan beliau. Begitu juga dengan kitab *Jima' al-'Ilm* ini. Kelainan ini juga dapat ditinjau di mana beliau tidak menamakan orang-orang yang terlibat dalam dialog atau perdebatan itu secara khusus. Namun, secara umumnya beliau ada menyatakan bahawa orang yang tidak menerima hadith (*khobar*) Rasulullah s. 'a.w. adalah *ahl al-Kalam* dan sebahagian fuqaha'.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup>Terdapat beberapa tempat dalam *Jima' al-'Ilm* yang merujuk kepada kitab al-Risalah yang dikarang pada tahun 198H atas permintaan 'Abd al-Rahman b. Mahdi. Lihat Abdul Karim Ali, *al-Shafi'i's Contribution to Hadith with an Annotated Translation of His Work Jima' al-'Ilm*, Tesis Ph.D, 1996, University of Edinburgh, hal. 129-130.

<sup>3</sup>Al-Shafi'i, *Kitab Jima' al-'Ilm*, hal. 13-14; J. Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, hal. 41.

<sup>4</sup>Al-Shafi'i, *Kitab Jima' al-'Ilm*, (edit. Ahmad Muhammad Shakir) Kaherah: Matba'ah al-Ma'arif, hal. 11-12.

## GOLONGAN YANG MENOLAK KESELURUHAN HADITH

Beberapa penulis yang berautoriti mencadangkan orang atau golongan yang menolak keseluruhan hadith secara umumnya adalah ahl al-Kalam dan secara khususnya al-Mu'tazilah.<sup>5</sup> Al-Shafi'i sendiri secara jelas menyatakan bahawa golongan tadi datangnya dari Basrah yang mana Basrah ketika itu dikenali sebagai pusat ahl al-Kalam termasuk juga al-Mu'tazilah. Ahl al-Kalam pada penggunaan al-Shafi'i berkemungkinan besar merujuk kepada al-Mu'tazilah.<sup>6</sup> Secara lebih jauh, mereka iaitu al-Mu'tazilah dikenalpasti sebagai 'musuh' golongan ahl al-hadith. Justeru itu, al-Khudari membuat kesimpulan bahawa al-Mu'tazilah merupakan golongan yang menolak hadith tersebut dengan merujuk kepada kenyataan yang dikemukakan oleh Ibn Qutaybah dalam *Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith* yang mengatakan antara lain ialah mereka menuduh ahl al-hadith meriwayatkan hadith atau athar yang saling bertentangan.<sup>7</sup>

Kesimpulan yang dibuat oleh al-Khudari di atas, bagaimanapun cuba dipertikaikan oleh beberapa orang penulis. 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khaliq sebagai contoh menolak teori yang dipegang oleh kebanyakan penulis yang dibentangnya dalam buku beliau iaitu *Hujjiyyah al-Sunnah*.<sup>8</sup> Muhammad Abu Zahrah juga tidak setuju dengan teori di atas, bahkan mencadangkan mereka yang menolak hadith secara total ialah *zanadiqah* dan sebahagian dari al-Khawarij.<sup>9</sup> Ini memandangkan bahawa *Zanadiqah*, *Khawarij*<sup>10</sup> dan *Azariqah*<sup>11</sup> berpegang kepada doktrin:

- i) sembahyang fardu satu raka'at di pagi satu raka'at di petang
- ii) menolak hukuman rejam ke atas pezina kerana mereka berpegang kepada al-Qur'an sahaja dan tidak menerima hadith Rasulullah s. 'a.w.

<sup>5</sup>Al-Khudari, (1967), *Tarikh al-Tashri' al-Islami*, cet. 8, Kaherah: Dar al-Fikr, hal. 155 dan 157; Abu Zahrah, (1948), *al-Shafi'i*, Kaherah: Dar al-Fikr, hal. 218; al-Siba'i, (1978), *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami*, cet. 2, Damsyik: al-Maktab al-Islami, hal. 148.

<sup>6</sup>J. Schacht, (1950), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford, hal. 40.

<sup>7</sup>Ibn Qutaybah, *Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, hal. 5, 8 dan *passim*.

<sup>8</sup>Lihat 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khaliq, (1993), *Hujjiyyah al-Sunnah*, cet. 2, Kaherah: Dar al-Wafa'.

<sup>9</sup>M. Abu Zahrah, *al-Shafi'i*, hal. 218.

<sup>10</sup>Ibn Hazm, (1321H), *Kitab al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, vol. 4, Mesir: Matba'ah al-Tamaddun, hal. 189; Abu Zahrah, *al-Shafi'i*, hal. 218-9.

<sup>11</sup>Keith Lewinstein, *The Azariqa in Islamic Heresiography*, BSOAS, LIV, 1991, hal. 261.

## **PENOLAKAN HADITH YANG BUKAN PENERANGAN KEPADA AL-QUR'AN**

Penolakan ini memberi dua kemungkinan. Pertama, hadith kemungkinan besar ditolak, kerana mereka mungkin menolak hadith samada dalam bentuk *mutawatir* atau *ahad* yang tidak ada persamaan dengan al-Qur'an. Kedua, hadith tidak boleh menetapkan sesuatu hukum kecuali terdapat asasnya dalam al-Qur'an. Sebab itu mereka menolak sebahagian hukum yang terbit dari hadith Rasulullah s. 'a.w. seperti pengharaman makan daging keldai dan sebagainya.

## **PENOLAKAN HADITH AHAD**

Penolakan hadith Ahad biasanya dirujuk kepada ahl al-Kalam termasuk al-Mu'tazilah dan sebahagian fuqaha'. Ini kerana golongan pertama di atas amat menitik beratkan soal-soal ketepatan dalam periwayatan. Jadi hadith yang disampaikan oleh seorang atau beberapa orang mungkin mengandungi kesilapan, kesalahan, lupa dan sebagainya. Oleh itu, ia memberi makna *zanni al-thubut*, sedangkan mereka hanya berpegang kepada sesuatu yang *qat'i al-thubut* seperti al-Qur'an.<sup>12</sup>

## **IDENTITI INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM JIMA' AL-'ILM**

Berkenaan dengan identiti individu yang mengambil bahagian dalam dialog dan perdebatan dengan al-Shafi'i mungkin merupakan suatu yang sukar untuk dikenalpasti kerana tabi'at penulisan al-Shafi'i tidak menamakan mereka. Namun begitu penulis akan cuba untuk mengenali mereka berdasarkan rujukan sejarah. Setakat yang tersurat, hanya Nyberg menyebut secara jelas personaliti tersebut iaitu Ibn 'Ulayyah, seorang pemimpin al-Mu'tazilah di Mesir yang berkemungkinan pernah berdialog dengan al-Shafi'i seperti mana yang direkodkan dalam kitab *Jima' al-'Ilm*.<sup>13</sup> Pendapat ini mungkin ada kebenarannya jika dirujuk kembali kepada teori sebelum ini iaitu golongan yang menolak hadith ialah ahl al-Kalam yang mana ia merupakan istilah yang digunakan oleh al-Shafi'i untuk merujuk kepada al-Mu'tazilah. Berdasarkan asas ini, penulis percaya salah seorang individu yang

<sup>12</sup>Untuk keterangan lanjut sila lihat Abdul Karim Ali, "A Controversy About the Authority of *Khbar al-Wahid With Special Reference to al-Shafi'i's Views*", *Jurnal Usuluddin*, bil 7, Dis. 1997, hal. 76-79.

<sup>13</sup>H. S. Nyberg, "*al-Mu'tazila*", *E. I.*, vol. VI, hal. 791.

mengambil bahagian dalam dialog dengan al-Shafi'i ialah Ibn 'Ulayyah.<sup>14</sup> Beliau adalah salah seorang daripada ahl al-Kalam yang percaya kepada doktrin; al-Qur'an adalah makhluk, dan merupakan salah seorang anggota al-Mu'tazilah di Basrah yang kemudiannya menetap di Mesir.

Perdebatan yang diadakan antara mereka berdua mungkin berlaku di Baghdad atau di Mesir. Rujukan kepada penulisan biografi seperti al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, al-Bayhaqi, *Manaqib al-Shafi'i*, Ibn Abi Hatim, *Adab al-Shafi'i wa Manaqibuh* dan Ibn 'Abd al-Barr, *al-Intiqā'* menunjukkan subjek perdebatan berkaitan dengan kesahihan dan autoriti hadith *Ahad (khabar al-wahid)*. Subjek perdebatan yang direkodkan dalam buku-buku biografi di atas adalah sama dengan apa yang dirakamkan dalam kitab *Jima' al-'Ilm*, iaitu mengenai kesahihan dan autoriti *khabar al-wahid*.

Dalam satu peristiwa, Ibn 'Ulayyah menghadiri majlis ilmu yang dikendalikan oleh al-Shafi'i yang dihadiri oleh ahl al-hadith termasuk Ahmad b. Hanbal. Al-Shafi'i memberi pengajaran mengenai *khabar al-wahid* dan berdialog dengan Ibn 'Ulayyah mengenai subjek tersebut menyebabkan hadirin mempertikaikan layanan yang diberikan kepada Ibn 'Ulayyah. Al-Shafi'i mengatakan perbincangan beliau dengan Ibn 'Ulayyah adalah lebih berguna kerana beliau tidak menerima autoriti *khabar al-wahid*, sedangkan hadirin lain semuanya menerimanya. Jadi, tentulah perbincangan dengan Ibn 'Ulayyah lebih penting agar dapat diberi penjelasan yang secukupnya dengan harapan ia akan menerima *khabar al-wahid* berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan.

'Abd Allah b. Salih, setiausaha al-Layth juga menceritakan seperti apa yang berlaku di atas. Murid-murid al-Shafi'i selepas selesai pengajian akan membawa nota yang disalin ketika pengajaran kepada Ibn 'Ulayyah serta membacakan kepadanya. Dengan itu, Ibn 'Ulayyah mula menyerang dan cuba menolak apa yang telah diperkatakan oleh al-Shafi'i melalui pengantaraan murid-murid tersebut.

Berdasarkan perbincangan di atas, Ibn 'Ulayyah merupakan personaliti yang paling layak untuk dikaitkan kepada perbincangan dengan al-Shafi'i dalam *Jima' al-'Ilm*. Kesimpulan ini diambil melalui pembuktian bahawa terdapat persamaan dari segi tajuk perbincangan di antara *Jima' al-'Ilm*, *Manaqib al-Shafi'i* oleh al-Bayhaqi,

---

<sup>14</sup>Nama penuh beliau ialah Ibrahim b. Isma'il b. Ibrahim b. Muqsim [Miqsam], Abu Ishaq al-Basri al-Asadi yang masyhur dengan nama Ibn 'Ulayyah. Lihat al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, vol. VI, hal. 20; al-Hajawi, *al-Fikr al-Sami*, vol. I, hal. 426; al-Bayhaqi, *Manaqib al-Shafi'i*, vol. I, hal. 20.

*Tarikh Baghdad* oleh al-Baghdadi, kerana ketiga-tiga buku biografi tersebut menyebut dengan terang dan jelas nama individu yang berdebat dengan al-Shafi'i. Tetapi, adalah tidak tepat sekiranya dikatakan hanya Ibn 'Ulayyah yang terlibat dalam perdebatan tersebut. Ini kerana, pengamatan terhadap teks *Jima' al-'Ilm* membayangkan bahawa bukan hanya seorang individu yang terlibat, bahkan ia merujuk kepada beberapa orang atau kumpulan. Justeru itu, adalah tepat jika kita hanya menyandarkan Ibn 'Ulayyah dalam perbincangan mengenai *khabar al-wahid*, kerana *Jima' al-'Ilm* membincangkan banyak perkara.

## KESIMPULAN

Kemunculan golongan anti hadith dalam abad ini samada di Malaysia, Indonesia, Mesir dan sebagainya bukannya sesuatu yang baru. Sejarahnya telah bermula sejak abad kedua Hijrah atau di awal abad ketiga Hijrah lagi. Kemunculan golongan yang mempertikaikan hadith Rasulullah bahkan menolaknya kerana bergantung sepenuhnya dengan al-Qur'an sepatutnya tidak timbul lagi di zaman ini. Ini kerana hujah-hujah golongan tersebut telah berjaya dipatahkan oleh *Nasir al-Sunnah* iaitu al-Shafi'i dan beliau berjaya menyakinkan golongan tersebut bahawa hadith Nabi adalah hujah samada ianya *mutawatir* atau *ahad*. Kewujudan golongan anti hadith sekarang merupakan satu tindakan untuk menghidupkan fahaman songsang yang telah berkubur. Dan terbuktilah bahawa *Jima' al-'Ilm* merupakan dokumen terawal yang merekod dan merakamkan kehadiran golongan yang cuba menolak hadith samada secara total atau sebahagiannya.